

UMNO disaran tubuh MAJLIS PENASIHAT PRESIDEN

Era Baru - 2/5/2008



Che D.E.T.
Menulis

SETIAUSAHA Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor, baru-baru ini dipetik di dalam Mingguan Malaysia sebagai menolak cadangan saya berkenaan penubuhan Majlis Penasihat Presiden.

"Kita sudah ada Biro Politik (yang dipengerusikan Presiden UMNO, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan jawatankuasa pengurusan parti (yang diketuai Timbalan Presiden, Dato' Sri Najib Abdul Razak), apa nak lagi Majlis Penasihat Presiden.

"Saya tidak faham apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan cadangan supaya ditubuhkan majlis itu," Tengku Adnan dipetik sebagai berkata.

Jika tidak faham, kenapa harus tergesa-gesa menolak? Apakah ahli UMNO biasa tidak layak lagi untuk memberi apa-apa cadangan? Adakah yang layak dan yang pandai hanya Presiden, Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Setiausaha Agung dan ahli Majlis Tertinggi sahaja?

Inilah masalah UMNO dan kepimpinan parti yang ada sekarang. Ahli dan pemimpin UMNO tidak lagi boleh menyuarakan apa-apa pendapat melainkan sokongan terhadap Presiden Parti. Sokong! Sokong!

Sesiapa yang menyuarakan pendapat yang berlainan, atau membantah apa-apa keputusan, maka dia akan diherdik dan dicerca seluruh barisan kepimpinan UMNO di dalam media massa, dihadapkan ke jawatankuasa disiplin.

Kerana takut, tidak ada mana-mana ahli pun yang bersuara. Tidak ada ahli yang menegur walaupun mereka sedar kepimpinan parti sudah jauh menyimpang daripada perjuangan asal UMNO. Ahli yang tidak puas hati berdiam diri dan protes secara senyap.

Pada pilihanraya baru-baru ini, ahli UMNO yang tidak puas hati tidak bersuara. Sebaliknya apabila mengundi, mereka undi parti lawan kerana protes dan hendak 'ajar' kepimpinan parti.

Mereka hendak tunjuk yang mereka sudah benci dengan kepimpinan UMNO.

Hasilnya, UMNO dan Barisan Nasional jatuh di empat negeri, tidak berupaya tawan Kelantan dan rebah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Walaupun menang di Perlis dan Terengganu, kepimpinan UMNO, khususnya Presiden Parti ditolak Raja-Raja Melayu di kedua-dua negeri ini apabila Istana dengan cara terbuka menolak calon Menteri Besar cadangan Perdana Menteri. Di Johor, usaha tukar calon Menteri Besar ditolak Istana awal-awal lagi sebelum pun diadakan pilihanraya.

UMNO, khususnya Presiden UMNO ditolak oleh ahli UMNO, rakyat biasa

serta Raja-Raja Melayu.

Tetapi kepimpinan UMNO tetap berada di dalam 'state of denial'. Tetap tidak mahu akui kenyataan, sebaliknya terus menyokong Presiden.

Apakah rakyat harus tolak UMNO secara total, sehingga UMNO terus kehilangan kuasa, orang Melayu hilang tempat bergantung, baru kepimpinan UMNO mahu hadapi kenyataan?

UMNO hari ini bukanlah parti politik orang Melayu yang kita kenal, UMNO tidak lagi mendengar suara hati rakyat.

UMNO hari ini merupakan parti keluarga Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. UMNO menjadi alat Presiden mengekalkan jawatannya dan menjamin kepentingan keluarganya.

UMNO di bawah pimpinan Dato' Seri Abdullah bukan sahaja hilang pengaruh di kalangan ahlinya, tetapi gagal mempertahankan kedudukannya sebagai tulang belakang Barisan Nasional.

Rakyat yang jelek terhadap kepimpinan Dato' Seri Abdullah juga telah menyebabkan BN serta parti-parti komponen lain seperti MCA, MIC, Gerakan dan PPP hilang pengaruh dan keyakinan

“UMNO di bawah pimpinan Dato' Seri Abdullah bukan sahaja hilang pengaruh di kalangan ahlinya, tetapi gagal mempertahankan kedudukannya sebagai tulang belakang Barisan Nasional.

pengundi.

Akhirnya kesemua parti-parti ini mengalami kekalahan yang teruk, ditolak rakyat hampir secara keseluruhan.

Tetapi Presiden UMNO tetap dengan khayalannya. Dia masih kata yang dia menang besar, mempunyai sokongan kuat daripada rakyat. Hanya kurang lapan kerusi sahaja untuk dapat majoriti 2/3 Parlimen.

Apakah kita harus terus terima pemimpin seperti ini? Apakah kita harus biarkan UMNO hancur baru kita hendak bertindak, atau kita cari jalan senang dan biarkan UMNO terkubur dan kita lompat ke parti lain?

Apabila saya nyatakan kepada akhbar yang Dato' Seri Abdullah harus bertanggungjawab sepenuhnya diatas kekalahan BN dan harus berundur, ramai pemimpin UMNO berkata kita tidak harus menanggung di air keroh, jangan timbulkan masalah di dalam parti, takut parti akan berpecah.

Saya akui parti akan pecah. Di dalam sejarah UMNO tidak pernah berlaku per-

pecahan. Semasa saya menjadi Presiden, saya juga ditentang dua kali, oleh Tengku Razaleigh dan Anwar Ibrahim. Tetapi selepas berpecah, UMNO kembali bersatu dan kuat semula.

Demikian juga semasa penyingkiran Dato' Onn dan di zaman Tunku Abdul Rahman. Setiap kali pemimpin dirasakan oleh ahli sudah tidak lagi boleh memperjuangkan hasrat dan hak ahli serta orang Melayu, pemimpin ditolak.

Dan sekali lagi apabila pemimpin ditolak, UMNO bersatu semula dan menjadi lebih kuat. Pemimpin datang dan pergi. Tetapi parti harus kekal.

Sikap tidak mahu mendengar suara dan teguran ahli biasa bukanlah tradisi UMNO. Tidak pernah di dalam sejarah UMNO suara ahli disekat. Tetapi ini yang terjadi sekarang.

Presiden Parti tidak boleh ditegur, tidak boleh dikritik, walaupun dia sendiri yang kata dia rela ditegur dan dia mempunyai telinga besar (untuk mendengar keluhan rakyat). Sesiapa yang menegur akan diserang seluruh pimpinan parti dan media massa.

Sebab itulah saya mencadangkan agar satu badan Majlis Penasihat Presiden atau Presidential Advisory Council ditubuhkan.

Ini saya anggap perlu kerana ahli parti tidak boleh percaya kepada satu individu sahaja dengan memberikan kuasa yang begitu besar kepada individu tersebut. Ini sekarang terbukti kerana ahli tidak pun boleh menegur Presiden. Walaupun jika tindakan Presiden dianggap tidak membawa manfaat kepada parti apa saja teguran dan bantahan akan didakwa sebagai tidak menghormati ketua, menderhaka kepada parti dan Presiden Parti.

Jadi pimpinan dari peringkat tertinggi hingga ke cawangan terpaksa menyokong apa sahaja tindak tanduk Presiden, walaupun mereka sebenarnya tidak bersetuju.

Ini saya katakan kerana setelah selesai keputusan pilihanraya umum ke 12, ramai pemimpin UMNO yang berjumpa dengan saya mengatakan bahawa Presiden patut lah berundur.

Tetapi apabila tibanya Mesyuarat Majlis Tertinggi, tiada sesiapa pun yang berani membangkitkan isu ini kerana takut dituduh tidak menghormati Presiden dan parti.

Jadi Presiden tidak akan mendapat maklumat yang sebenarnya, tetapi hanya apa yang sedap didengar telinganya.

Secara terperinci bolehlah pelaksanaan tugas dan tanggungjawab Majlis Penasihat ini dibincangkan secara mendalam.

Tetapi pada dasarnya ianya bertujuan bertindak sebagai satu badan yang diberikan kuasa bermusyawarah dan meluluskan keputusan yang diambil Presiden. Ini bagi mengelak salahguna kua-

“Presiden Parti tidak boleh ditegur, tidak boleh dikritik, walaupun dia sendiri yang kata dia rela ditegur dan dia mempunyai telinga besar (untuk mendengar keluhan rakyat). Sesiapa yang menegur akan diserang seluruh pimpinan parti dan media massa.

sa oleh individu yang berkepentingan.

Walaupun kita sudah ada Majlis Tertinggi dan pelbagai Biro, tetapi keahlian di dalam Biro-biro ini terdiri daripada orang yang dilantik di kalangan mereka yang berjawatan di dalam parti. Sudah tentu mereka ini tidak berani menegur.

Oleh itu, Majlis Penasihat ini mungkin boleh dianggotai golongan profesional dan ahli UMNO yang berwibawa tetapi bukan di kalangan mereka yang dilantik oleh bahagian supaya ianya dapat berfungsi secara bebas.

Mungkin juga pindaan kepada perlembagaan UMNO diperlukan untuk mengikat keputusan Presiden Parti kepada Majlis Penasihat ini agar terdapat "check and balance" di dalam urusan pentadbiran dan Presiden tidak boleh melakukan pelbagai perkara dengan sewenang-wenangnya.

Orang Melayu pada masa dulu amat taat dan tidak menderhaka kepada Raja, "Titah Tuanku Patik Junjung". Hingga tanah dan negeri mereka tergadai pun mereka masih berdiam diri. Akibatnya, orang Melayu terjajah selama 450 tahun.

Hanya pada tahun 1946, barulah orang Melayu berani bangkit, "menderhaka" dan menyuarakan rasa tidak puas hati mereka dan akhirnya berjaya membebaskan diri daripada belenggu penjajahan dan memerdekakan negara.

Mungkin kini tiba masanya untuk orang Melayu "menderhaka" kembali untuk menuntut agar hak mereka dikembalikan dan agar perjuangan yang mendokong harapan orang Melayu tidak jauh terpesong daripada matlamat asalnya membela nasib bangsa.